

**Bursa Malaysia Ringankan Syarat Kemasukan Untuk Para Peserta Tempatan  
Bernama  
3 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Bursa Malaysia telah meringankan syarat kemasukan untuk para individu yang berminat menjadi peniaga derivatif profesional atau peserta tempatan dengan menghapuskan peperiksaan.

Apa yang calon perlu lakukan sekarang ini ialah menghadiri program familiarisasi selama dua hari untuk menjadi peniaga derivatif profesional yang berniaga untuk akaun mereka sendiri.

Ketua pegawai eksekutif Datuk Tajuddin Atan berkata dengan menghadiri program ini, calon tidak perlu lagi mengambil lesen peperiksaan atau menunjukkan kelayakan akademik dan pengalaman industri yang berkaitan.

"Ini adalah sebahagian daripada inisiatif bursa untuk meningkatkan bilangan penyertaan peserta di dalam pasaran. Langkah pelonggaran ini mengukuhkan lagi komitmen kami untuk mengembangkan asas penyertaan kerana mereka menyumbang dengan ketara kepada kecairan pasaran," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata peniaga kini boleh menguruskan dengan mudah portfolio mereka sendiri dan pada masa yang sama menikmati banyak kemudahan termasuklah rebat yuran dan penghapusan cukai.

"Dengan bertambah canggihnya urus niaga internat, mereka boleh mengadakan urus niaga di mana jua dan pada bila-bila masa," kata beliau.

Untuk maklumat lanjut, calon boleh melawat laman sesawang Bursa Malaysia di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) atau menghubungi 03:2034 7242.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637711>